

15 APR 1997

Sanusi - Dialog

DIALOG MSC DEDAHKAN 'MISTERI' ERA SIBER

ALOR SETAR, 15 April (Bernama) -- Dialog Koridor Raya Multimedia (MSC) menerusi persidangan video secara langsung oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur dengan rakyat di 28 lokasi lain di seluruh negara hari ini meningkatkan kesedaran umum mengenai teknologi maklumat.

Menteri Besar Kedah Datuk Seri Sanusi Junid berkata kaedah berdialog itu adalah program yang baik, yang secara langsung mendedahkan misteri era siber yang sedang menguasai kehidupan masyarakat.

"Apabila Perdana Menteri mula bercakap mengenai MSC di California, saya mulanya berasa bimbang orang ramai tidak faham mengenai perkara itu.

"Beberapa seminar mengenai perkara itu yang diadakan di Kuala Lumpur dan Langkawi pun tidak mencukupi tetapi program hari ini berkesan dalam mendedahkan kepada puluhan ribu rakyat mengenai MSC dan melaluinya, kita dapat bersiap sedia," katanya kepada ketika ditemui pemberita di sini selepas dialog itu.

Kira-kira 500 orang ahli politik, ketua jabatan, pemimpin masyarakat dan pelajar sekolah menghadiri majlis bagi lokasi Alor Setar yang diadakan di Dewan Seri Negeri, Wisma Darul Aman.

Pengawai Daerah Langkawi Haji Ismail Hamid mewakili Kedah dengan menanyakan kepada Dr Mahathir mengenai langkah kerajaan untuk mengelak rakyat daripada terdedah kepada unsur negatif yang terdapat dalam teknologi multimedia itu.

Sanusi berkata kerajaan negeri berharap rakyat Kedah akan lebih peka mengenai pentingnya komputer dan manfaat besar yang bakal diperolehi daripada MSC dan penguasaan teknologi maklumat nanti.

Namun begitu, beliau menasihati rakyat supaya menguasai bahasa Inggeris bagi membolehkan mereka mendapatkan manfaat optimum daripada teknologi maklumat memandangkan bahasa itu penting untuk berkomunikasi dalam sistem tersebut untuk menimba ilmu dari luar negara.

Sanusi berkata kerajaan negeri merancang pelbagai program untuk merapatkan masyarakat kepada komputer, termasuk melancarkan program komputer di masjid-masjid dan menyediakan kemudahan sistem multimedia dan Internet di Pusat Bacaan Rakyat yang dicadangkan di peringkat permulaan di lima buah kampung di negeri ini.

"Kita mahu orang ramai menganggap komputer satu alat yang biasa seperti mereka melihat traktor dan cangkul yang dijadikan alat memudahkan kerja ... kita mahu menghilangkan misteri mengenai komputer kerana selagi ada misteri akan tetap ada halangan," katanya. -- BERNAMA

MFJ MAI